



Siaran
AKHBAR
KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

MOD.100/2/1/2 JLD 5 (66) 09/07

KEMENTERIAN PERTAHANAN SERIUS ISU DISIPLIN ANGGOTA

1. Merujuk kepada satu laporan polis bertarikh 21 Julai 2023, yang viral di platform media sosial berkaitan dakwaan seorang individu dipercayai anggota tentera yang mendakwa bahawa beliau dan beberapa orang rakannya telah didera secara fizikal oleh anggota senior di sebuah Kem di Sungai Petani, Kedah.
2. Kementerian Pertahanan melalui Tentera Darat Malaysia telah mengarahkan pasukan agar siasatan dalaman dilaksanakan dan dipantau bagi mengenalpasti mereka yang terlibat. Kes juga telah diserahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk tindakan seterusnya.
3. Kementerian amat memandang serius mengenai isu dera di kalangan warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat serta terbukti bersalah sama ada secara langsung atau tidak di dalam kes seumpama ini. Tindakan tegas juga akan diambil terhadap warga ATM sama ada individu atau mana-mana pihak yang sengaja mengeluarkan atau membuat dakwaan palsu sehingga boleh mencemarkan nama baik Kementerian Pertahanan dan ATM.
4. Kes ini masih dalam siasatan lanjut pihak PDRM. Justeru itu masyarakat dinasihatkan ramai agar tidak membuat sebarang kenyataan atau spekulasi yang boleh menjejaskan proses siasatan.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia
25 Julai 2023